

## **Syarat Penggunaan**

### **1. Mengenai Aplikasi ini**

- 1.1 Aplikasi pemeriksaan kesihatan (Aplikasi) ini disediakan oleh B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. ("BMI") sebagai salah satu dari tindakan BMI untuk melindungi pekerja di tempat kerja menurut garis panduan BMI (dokumen no. HC-MY01-G-6-3-10-005-1-A), polisi (dokumen no. HC-MY01-G-6-3-10-005-0-A) dan undang-undang, peraturan, garis panduan, arahan dan keputusan dari pihak berkuasa (secara kolektif, "Peraturan").

### **2. Apakah kegunaan Aplikasi ini?**

- 2.1 Aplikasi ini adalah cara yang mudah bagi pekerja BMI untuk melakukan pemeriksaan kesihatan harian mereka. Maklumat tersebut kemudiannya akan dihantar ke BMI HR untuk menilai sama ada seorang pekerja dibenarkan masuk tempat kerja dan untuk membantu pengesanan kontak rapat dengan lebih pantas. Ini membantu untuk menjaga keselamatan tempat kerja.
- 2.2 Aplikasi ini adalah aplikasi perisian untuk merekodkan, memantau dan melaporkan taraf kesihatan anda sehubungan dengan Peraturan, membantu pengesanan/kenalan / kontak rapat dan analisis untuk mengesan kluster jangkitan dan untuk melindungi pekerja lain di BMI. Data yang dikumpulkan oleh Aplikasi ini juga mungkin didedahkan kepada pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan.
- 2.3 Aplikasi ini bukan alat/ peranti perubatan dan juga tidak bertujuan/ berniat untuk menentukan kewujudan atau ketiadaan keadaan perubatan atau kesihatan. Anda bertanggungjawab untuk kesejahteraan/ kesihatan anda sendiri, dan / atau tentang keperluan untuk mendapat nasihat daripada profesional perubatan untuk sebarang masalah kesihatan.
- 2.4 Jawapan anda kepada soal selidik dalam Aplikasi memberikan informasi berkenaan dengan pemantauan status kesihatan, pengesanan kontak dan tujuan lain seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6. Anda bersetuju bahawa ia adalah tugas anda untuk menjawab soalan dan memberikan maklumat dengan betul dan tepat. Sekiranya anda memberikan maklumat mengenai orang lain, seperti nama dan butir-butir hubungan, anda perlu mendapatkan persetujuan mereka untuk pendedahan dan memberitahu mereka bahawa nama dan cara kontak mereka boleh digunakan untuk tujuan pengesanan kontak dan BMI atau KKM boleh menghubungi mereka jika keperluan timbul dan semua maklumat akan disimpan menurut Dasar Privasi BMI. Sekiranya anda memberikan maklumat seseorang yang berumur di bawah 18 tahun, anda mengakui dan mengesahkan bahawa anda telah mendapat persetujuan ibu bapanya sebelum pendedahan maklumatnya kepada BMI untuk penggunaan BMI sepertimana yang diperuntukkan dalam Syarat (ditakrifkan selepas ini).

### **3. Mestikah saya muat turun dan guna Aplikasi ini?**

- 3.1 Penggunaan Aplikasi adalah secara sukarela. Anda tidak perlu menggunakan Aplikasi ini tetapi jika anda memilih untuk tidak menggunakannya, anda mesti melakukan pemeriksaan kesihatan harian BMI dalam talian. Pemeriksaan kesihatan harian adalah wajib dilakukan

kerana ia merupakan sebahagian daripada langkah keselamatan tempat kerja BMI di bawah Peraturan/ SOP.

#### **4. Siapa yang memiliki Aplikasi dan siapa yang harus menggunakannya?**

4.1 Aplikasi ini dan teknologi, fungsi dan perkhidmatannya ("Perkhidmatan") dikendalikan oleh BMI untuk penggunaan pekerjaannya. Jangan gunakan Aplikasi ini jika anda bukan pekerja BMI.

#### **5. Adakah terdapat polisi lain yang harus saya rujuk?**

5.1 Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini, Dasar Privasi BMI, garis panduan BMI dengan nombor rujukan HC-MY01-G-6-3-10-005-1-A, polisi BMI dengan nombor rujukan HC-MY01-G-6-3-10-005-0-A, dan polisi dan maklumat lain yang diterbitkan atau disebut dalam penggunaan Perkhidmatan (secara kolektif, "Syarat") menjadi asas perjanjian antara anda dengan BMI. Dengan mengakses dan menggunakan Aplikasi, anda membuat perjanjian dengan BMI dan menyetujui Syarat tersebut.

5.2 Dasar Privasi BMI boleh didapati di <https://www.bbraun.com.my/en/Privacy-Policy.html>. Dasar ini menetapkan bagaimana BMI mengumpulkan, memproses, menyimpan, mendedahkan dan menggunakan maklumat peribadi. Maklumat yang dikumpulkan oleh BMI dari anda digunakan untuk tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 6 dan akan disimpan mengikut Dasar Privasi BMI.

5.3 Dengan menggunakan atau mengakses Aplikasi ini, anda bersetuju bahawa BMI boleh mengumpulkan, menyimpan, mengguna dan mendedahkan maklumat peribadi seperti yang dinyatakan dalam syarat ini dan dalam Dasar Privasi BMI dan bahawa anda telah memberitahu orang yang dinamakan oleh anda sebagai kontak rapat anda (lihat Seksyen 6) mengenai Dasar Privasi BMI dan mendapatkan persetujuan mereka untuk anda mendedahkan maklumat mereka.

#### **6. Apa yang Syarikat lakukan dengan data yang dikumpulkan melalui Aplikasi ini?**

6.1 Seperti yang telah disebutkan, informasi yang dikumpulkan digunakan untuk mengesan kontak rapat dan pemantauan gejala. Jawapan anda untuk soal selidik dalam Aplikasi akan memberikan maklumat untuk memudahkan pemantauan gejala dan pengesanan kontak rapat. Maklumat mengenai gejala, peristiwa/ acara yang dihadiri oleh anda, individu yang merupakan kontak rapat anda, kesemua ini adalah maklumat penting untuk tujuan pengesanan.

6.2 Maklumat yang dikumpulkan melalui Aplikasi juga berfungsi untuk mengesahkan setiap permohonan yang mungkin anda buat berkenaan dengan cuti sakit, keperluan kuarantin atau ketidakhadiran lain. Sekiranya perlu, BMI juga akan berkongsi maklumat dan / atau maklumat kontak rapat anda kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **7. Bagaimana saya mengakses Aplikasi?**

- 7.1 Sebaik sahaja anda memuat turun Aplikasi ini dari App Store, anda perlu mendaftar sebagai pengguna dalam Aplikasi. ID pekerja yang sah, tarikh lahir dan nombor telefon semasa dan sah anda diperlukan untuk pendaftaran sebagai pengguna.
- 7.2 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan oleh anda adalah tepat dan anda diminta untuk menyemak profil pengguna anda dan mengemas kini maklumat kontak anda sekiranya terdapat perubahan. Maklumat anda akan disimpan dalam Aplikasi dan juga pusat data yang dikendalikan atau diuruskan oleh BMI.
- 7.3 Hak anda untuk menggunakan Aplikasi dan Perkhidmatan akan berakhir secara automatik jika anda bukan lagi pekerja BMI dan BMI juga berhak atas budi bicara BMI untuk membatalkan penggunaan anda atau menghentikan penggunaan Aplikasi pada bila-bila masa.

## **8. Kerahsiaan**

- 8.1 Anda mesti ingat bahawa Aplikasi disediakan sebagai sebahagian daripada dasar keselamatan tempat kerja BMI dan oleh itu sebagai sebahagian daripada pekerjaan anda dengan BMI. Segala data yang mungkin anda peroleh dari penggunaan Aplikasi adalah sulit dan akses adalah eksklusif untuk kegunaan peribadi pengguna yang berkenaan. Anda berkewajipan untuk menjaga kerahsiaan mengenai data akses dan mengelakkan penggunaan Aplikasi tanpa kebenaran oleh pihak ketiga. Oleh itu, anda tidak boleh memberikan data akses, terutamanya kata laluan anda, kepada siapa-siapa, termasuk ahli keluarga atau rakan sekerja anda. Sekiranya anda mengetahui tentang penyalahgunaan data akses atau jika anda mengesyaki perkara ini berlaku, anda mesti memberitahu BMI dengan segera.

Sekiranya berlaku penyalahgunaan atau anggapan penyalahgunaan data akses anda, BMI diberi kuasa untuk segera menyekat akses ke Aplikasi. Semua akses menggunakan data akses anda akan dianggap sebagai akses anda dan anda akan bertanggungjawab atas akibat penggunaan pihak ketiga.

## **9. Penggunaan Aplikasi**

- 9.1 Perkhidmatan disediakan adalah untuk melindungi pekerja. Oleh itu, anda tidak boleh memberikan maklumat palsu atau mengelirukan dan tindakan mungkin diambil oleh pihak BMI sekiranya tidak mematuhi Syarat. Penggunaan anda mestilah mematuhi undang-undang yang berkaitan atau perintah atau kehendak/ syarat-syarat pihak kerajaan atau perintah mahkamah dan anda mengakui bahawa BMI berhak, tetapi tidak bertanggungjawab untuk memantau akses atau penggunaan Perkhidmatan anda.
- 9.2 Anda diberi lesen yang tidak boleh dipindah milik, tidak eksklusif, boleh batal untuk menggunakan Aplikasi pada peranti anda dan ini adalah satu lesen terhad dan semua hak lain merupakan hak terpelihara BMI. Tiada apa-apa di sini yang memberi anda sebarang lesen atau hakmilik untuk hak cipta, paten, cap dagang atau hak industri lain

BMI berhak untuk menghalang akses anda kepada Aplikasi buat sementara waktu atau secara kekal sekiranya berlaku pelanggaran Syarat atau sebaliknya. Pelanggaran Syarat merangkumi, tetapi tidak dihadkan kepada, memberi butiran yang salah dalam Profil Pengguna, memberi data akses anda kepada orang lain tanpa kebenaran BMI, terutamanya kata laluan anda, dan / atau penyalahgunaan kandungan dan aplikasi yang disediakan oleh BMI.

Sekiranya akses anda kepada Aplikasi digantung buat sementara waktu atau ditamatkan, anda tetap diminta untuk melengkapkan pemeriksaan kesihatan harian melalui versi dalam talian.

- 9.3 Akses anda kepada Aplikasi bergantung kepada telekomunikasi, pembekal perkhidmatan internet, spesifikasi teknikal peranti anda dan faktor luaran lain. Akses kepada Aplikasi sepanjang masa tidak dijamin. Sekiranya anda tidak dapat mengakses Aplikasi, pemeriksaan kesihatan harian mesti dilengkapkan dengan menggunakan versi dalam talian yang tersedia di BKC.
- 9.4 BMI akan menggunakan kemahiran dan perhatian yang sewajarnya dalam menyediakan Perkhidmatan tetapi BMI tidak menjamin atau memberi akujanji bahawa kandungan anda dalam Aplikasi dan versi dokumen yang disimpan secara tempatan tidak akan mengalami kerosakan atau kehilangan, dan BMI berhak untuk melupuskan/ memadamkan data anda menurut Syarat yang diperuntukkan.
- 9.5 Reka bentuk Aplikasi (selagi tidak membabitkan elemen aplikasi standard) serta teks, gambar, grafik, susun atur, suara, animasi, video dan pangkalan data yang terkandung dalam Aplikasi merupakan hakcipta terpelihara atau tertakluk pada undang-undang harta intelek lain. BMI berhak atas hak-hak ini, jika tiada perkara yang bertentangan ditunjukkan.
- 9.6 BMI tidak memberi akujanji dan representasi mengenai ketepatan, kelengkapan atau kewujudan maklumat yang terdapat dalam Aplikasi termasuk, tetapi tidak dihadkan kepada, kandungan halaman, dokumen yang diterbitkan dan kewujudan virus. BMI mengecualikan kesemua liabiliti dan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan Aplikasi ini.
- 9.7 BMI mempunyai hak untuk mengubah Syarat pada bila-bila masa
- 9.8 Pembentukan, penafsiran dan operasi perjanjian ini dan sebarang pertikaian atau tuntutan yang timbul dari atau berkaitan dengannya akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan setiap daripada kita secara muktamad menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 9.9 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Syarat Penggunaan ini dianggap tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan, atau menjadi sepenuhnya atau sebahagiannya terbatal atau tidak dapat dikuatkuasakan, ini tidak akan mempengaruhi kesahihan peruntukan yang lain.  
  
Peruntukan undang-undang yang sah dengan definisi yang terdekat dengan peruntukan yang terbatal akan digunapakai.
- 9.10 Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.